

The background features a complex geometric design. On the left, there are overlapping rectangular blocks in shades of purple, magenta, and pink. A faint, repeating pattern of arches, resembling a bridge or a series of connected vaults, is visible in the center-left. On the right, a series of horizontal, stepped rectangular blocks in light gray and white create a sense of depth and movement. The overall color palette is soft and modern, with a mix of warm and cool tones.

2

PRESTASI EKONOMI DAN KERJASAMA ANTARABANGSA

Prestasi Ekonomi dan Kerjasama Antarabangsa

Tinjauan

Pertumbuhan global sederhana

Ekonomi global dijangka kekal mengalami trajektori pertumbuhan sederhana dan tidak setara pada 2014 disokong oleh peningkatan ekonomi di AS dan UK berserta kadar perkembangan yang stabil, walaupun lebih perlahan, dalam ekonomi membangun berkembang pesat yang utama. Penambahbaikan di kawasan euro dan Jepun dalam tempoh separuh kedua 2014 juga dijangka memberi sumbangan positif kepada aktiviti ekonomi dunia. Ekonomi Asia, termasuk China, India dan negara ASEAN yang utama dijangka terus memacu pertumbuhan ekonomi global.

Dalam tempoh separuh pertama 2014, perkembangan ekonomi di negara maju bertambah baik. Pertumbuhan di AS meningkat dalam suku kedua selepas mengalami musim sejuk terburuk dalam tempoh 60 tahun. Kenaikan perbelanjaan pengguna serta pelaburan tetap dan eksport bersih yang lebih tinggi menyumbang kepada pertumbuhan ini. Ekonomi kawasan euro beransur pulih dengan pertumbuhan yang tidak setara di sekitar rantau berkenaan. Sementara itu, UK mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang kukuh disokong oleh perkembangan asas yang luas dalam semua sektor. Di Jepun, ekonomi berkembang sederhana akibat impak langkah rangsangan 2013 yang semakin berkurangan serta konsolidasi penggunaan berikutan peningkatan cukai jualan sejak April 2014. Dalam kalangan negara membangun yang berkembang pesat, kadar pertumbuhan adalah sederhana, terutamanya di China, yang menunjukkan tanda-tanda penstabilan. China telah melaksanakan langkah pembaharuan, termasuk pelepasan cukai kepada pengeksport, lonjakan perbelanjaan fiskal serta pelonggaran dasar monetari bersasar

untuk meningkatkan pemberian pinjaman bagi mengekalkan pertumbuhan. India mencatatkan perkembangan ekonomi yang lebih kukuh berikutan pemantapan sektor tenaga di samping pemulihan sektor pertanian. Rusia merekodkan pertumbuhan ekonomi yang perlahan susulan krisis geopolitik, sementara pertumbuhan Brazil menguncup. Negara ASEAN yang utama termasuk Malaysia, Filipina, Indonesia dan Viet Nam terus menunjukkan pertumbuhan ekonomi kukuh, disokong oleh permintaan domestik dan eksport.

Dalam tempoh separuh kedua 2014, perkembangan ekonomi di AS dijangka semakin kukuh berikutan pengurangan kadar pengangguran dan sentimen pengguna yang bertambah baik. Kawasan euro dijangka berkembang pada kadar sederhana, terutamanya disokong oleh dasar monetari yang akomodatif. Sementara itu, perkembangan ekonomi di Jepun dijangka bertambah kukuh berikutan impak kenaikan cukai penggunaan yang semakin berkurangan dan dasar monetari yang kekal akomodatif. Perkembangan ekonomi di China dijangka terus stabil didorong oleh langkah sokongan kerajaan untuk mengekalkan pertumbuhan. Ekonomi India juga diunjur bertambah baik berikutan langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan pelaburan.

Risiko terhadap pertumbuhan ekonomi global secara keseluruhannya lebih seimbang walaupun ke arah penurunan. Cabaran yang dihadapi oleh negara maju termasuk kadar pengangguran tinggi yang berterusan dan produktiviti yang lembap terutamanya di kawasan euro, kadar hutang sektor awam dan isi rumah yang tinggi serta sektor kewangan yang tidak kukuh. Inflasi rendah yang berterusan di kawasan euro boleh membawa kepada deflasi dan seterusnya memerlukan pelonggaran kewangan berterusan. Selain itu, tindakan AS mengetatkan dasar kewangan akomodatifnya akan membawa kesan limpahan

JADUAL 2.1

KDNK Benar bagi Negara Terpilih
2013 – 2015

	Perubahan (%)		
	2013	2014 ¹	2015 ²
Dunia	3.3	3.3	3.9
Negara maju	1.4	1.8	2.3
Amerika Syarikat	2.2	2.2	3.1
Kawasan euro	-0.4	0.8	1.3
Jepun	1.5	0.9	0.8
Negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun	4.7	4.5	5.0
China	7.7	7.4	7.1
Republik Korea	3.0	3.7	3.8
India	5.0	5.6	6.4
ASEAN			
Singapura	3.9	3.0	3.0
Thailand	2.9	1.5 – 2.0	4.6
Indonesia	5.8	5.2	5.5
Filipina	7.2	6.2	6.3
Viet Nam	5.4	5.5	5.6
Malaysia	4.7	5.5 – 6.0	5.0 – 6.0

¹Anggaran.²Unjuran.

Sumber: International Monetary Fund dan pihak berkuasa negara.

terutamanya kepada negara membangun yang berkembang pesat yang boleh mengakibatkan aliran keluar modal dari negara membangun yang berkembang pesat, seterusnya memberi tekanan kepada pertumbuhan ekonomi global. Langkah memperketat dasar monetari secara berperingkat di AS berserta dasar ekonomi makro yang akomodatif dan pelarasan struktur di kawasan euro dan Jepun boleh mengelak kejutan kepada pasaran kewangan global.

Sementara itu, pertumbuhan ekonomi di negara membangun yang berkembang pesat kemungkinan terjejas berikutan kitaran yang lebih perlahan disebabkan oleh kelemahan domestik negara tersebut seperti kekurangan infrastruktur, defisit

belanjawan yang besar dan tekanan inflasi serta ketidaktentuan faktor luaran. Keadaan kewangan dan kredit dijangka semakin diperketat, seterusnya memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi. Tambahan pula, ketegangan geopolitik di pelbagai rantau dan wabak Ebola di Afrika Barat dijangka memberi tekanan penurunan terhadap pertumbuhan ekonomi global yang berkemungkinan membawa kesan limpahan. Secara keseluruhannya pada 2014, pertumbuhan ekonomi global diunjur kekal stabil pada paras 3.3% (2013: 3.3%) dengan pertumbuhan yang lebih kukuh di negara maju iaitu 1.8% (2013: 1.4%) dan pertumbuhan yang lebih perlahan di negara membangun yang berkembang pesat sebanyak 4.5% (2013: 4.7%). Pertumbuhan yang lebih kukuh sedikit pada 3.9% (2013: 3%) dalam perdagangan dunia dijangka menyokong perkembangan ekonomi global berikutan permintaan yang lebih tinggi di AS dan negara membangun yang berkembang pesat. Sementara itu, pelaburan langsung asing (FDI) dijangka meningkat 10.3% kepada USD1.6 trilion (2013: 9.2%; USD1.5 trilion) terutamanya didorong oleh pelaburan di negara maju yang telah mula menunjukkan pemulihan.

Prestasi Ekonomi Global

Negara membangun di Asia menerajui pertumbuhan ekonomi

Ekonomi **AS** berkembang 2.2% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 1.8%) disokong oleh peningkatan yang lebih kukuh dalam tempoh suku kedua walaupun berlaku penurunan dalam tempoh suku pertama disebabkan oleh musim sejuk terburuk. Pertumbuhan ekonomi ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan ketara dalam pelaburan swasta sebanyak 6.1% (Januari – Jun 2013: 2.5%). Pelaburan tetap bertambah 4.9% (Januari – Jun 2013: 4.3%) disokong oleh pertumbuhan dalam aset bukan kediaman sebanyak 5.6% (Januari – Jun 2013: 2.3%). Selain itu, perbelanjaan penggunaan individu berkembang pada kadar yang stabil sebanyak 2.3% (Januari – Jun 2013: 2.3%) didorong oleh permintaan

yang semakin bertambah untuk barangan bernilai tinggi seperti kereta, peralatan dan barangan elektronik. Ekonomi AS turut mendapat manfaat daripada pertumbuhan perlahan dalam eksport barangan dan perkhidmatan yang meningkat 3.4% (Januari – Julai 2013: 2.7%) terutamanya disokong oleh kenderaan automotif, alat ganti dan enjin, barangan pengguna, perkhidmatan perjalanan dan pengangkutan serta penyelenggaraan dan pembaikan.

Dari sudut penawaran, pengeluaran perindustrian meningkat kepada 4.2% (Januari – Ogos 2013: 2%) dengan penggunaan kapasiti bertambah sedikit kepada 78.9% (Januari – Ogos 2013: 77.7%), terutamanya didorong oleh peningkatan pengeluaran kenderaan automotif dan alat ganti serta barangan pengguna. Aktiviti pembuatan meningkat seperti yang ditunjukkan oleh pertambahan dalam indeks pembuatan Institute for Supply Management sebanyak 55 mata (Januari – Ogos 2013: 52.8 mata). Walau bagaimanapun, industri perumahan semakin lemah seperti yang ditunjukkan oleh jualan rumah baharu, unit mula dibina dan permit pembinaan yang lebih rendah dalam tempoh separuh pertama 2014. Keadaan ini mengakibatkan pelaburan rumah kediaman menurun dengan ketara kepada 2.2% (Januari – Jun 2013: 13.3%). Jualan runcit berkembang 3.9% (Januari – Ogos 2013: 3.4%), disokong oleh jualan yang kukuh bagi produk kesihatan dan penjagaan diri, kenderaan bermotor serta makanan dan minuman. Inflasi meningkat 1.8% (Januari – Ogos 2013: 1.6%) disebabkan oleh harga sewa rumah, makanan dan minuman yang lebih tinggi.

US Federal Reserve (Fed) telah mengurangkan pelonggaran kuantitatif ketiga daripada USD85 bilion pada Disember 2013, melalui pengurangan pembelian aset bulanan sebanyak USD10 bilion pada setiap enam mesyuarat terakhir Federal Open Market Committee, kepada USD25 bilion pada Ogos 2014. Pengurangan kadar pembelian aset akan terus dilaksanakan dengan langkah berhati-hati sekiranya pasaran buruh terus kukuh dan inflasi mencapai sasaran objektif jangka

panjang pada kadar 2%. Kadar pengangguran mengalami trend penurunan kepada 6.4% (Januari – Ogos 2013: 7.6%) terutamanya disebabkan oleh pewujudan pekerjaan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Fed telah memberi isyarat untuk menaikkan kadar dana persekutuan kemungkinan dalam masa terdekat sekiranya pasaran buruh meningkat dengan ketara. Pada masa ini kadar dana persekutuan adalah rendah di antara 0% dan 0.25%. Pertumbuhan keseluruhan tahunan dijangka kekal kukuh pada 2.2% (2013: 2.2%) terutamanya didorong oleh pewujudan pekerjaan dan keyakinan pengguna yang bertambah baik serta keuntungan perniagaan yang lebih tinggi.

Dalam tempoh separuh pertama 2014, aktiviti ekonomi di **kawasan euro** kembali pulih mencatatkan pertumbuhan marginal sebanyak 0.9% (Januari – Jun 2013: -0.9%), dengan pemulihan tidak setara antara negara. Dalam kalangan ekonomi terbesar rantau tersebut, Jerman, Perancis, Sepanyol dan Belanda berkembang pada kadar perlahan, manakala pertumbuhan Itali lembap. Pemulihan signifikan dilihat di Sepanyol dengan pertumbuhan kembali pulih pada kadar 0.9% (Januari – Jun 2013: -1.8%), terutamanya disebabkan oleh pelaksanaan program pembaharuan ekonomi, kewangan dan fiskal sejak 2012. Sementara itu, pertumbuhan ekonomi di beberapa negara pinggir, termasuk Poland dan Portugal, juga bertambah baik.

Pertumbuhan di kawasan euro disokong oleh pelaburan yang kembali pulih pada 1.6% (Januari – Jun 2013: -4.4%), manakala penggunaan isi rumah berkembang 0.7% (Januari – Jun 2013: -1%), terutamanya disebabkan oleh peningkatan penawaran kredit berikutan sentimen pasaran kewangan yang semakin baik. Dari segi penawaran pula, kebanyakan sektor mencatatkan pertumbuhan positif, kecuali sektor pembinaan serta perkhidmatan maklumat dan komunikasi yang menyusut sebanyak 0.8% dan 0.3% (Januari – Jun 2013: -5.1%; -1.1%). Sementara itu, usaha untuk mengembalikan pertumbuhan, memperbaiki lembaran imbalan fiskal dan sistem perbankan serta melaksanakan pembaharuan struktur di

kawasan euro telah berkurangan disebabkan oleh momentum pertumbuhan yang lemah dalam kalangan ekonomi terbesar dan tekanan disinflasi yang berpanjangan di rantau tersebut.

Kadar pengangguran berada pada paras sedikit rendah iaitu 11.6% (Januari – Julai 2013: 12%) dengan perbezaan ketara di seluruh rantau tersebut. Pada Julai 2014, kadar pengangguran berada dalam lingkungan paras terendah sebanyak 4.9% di Austria, Iceland dan Jerman ke paras tertinggi sebanyak 24.5% di Sepanyol. Kadar inflasi semakin menurun kepada 0.6% (Januari – Ogos 2013: 1.6%) walaupun langkah berterusan diperkenalkan oleh European Central Bank (ECB) untuk mengekalkan dasar kewangan yang akomodatif bagi mengembalikan pertumbuhan. Pada Ogos 2014, kadar inflasi kekal pada paras paling rendah sejak Oktober 2009, iaitu 0.4% berikutan penurunan harga makanan dan tenaga. Dalam usaha untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan inflasi kepada 2%, ECB terus mengurangkan kadar faedah ke atas operasi pembiayaan utama, kemudahan pinjaman marginal dan kemudahan deposit sebanyak 10 mata asas kepada 0.05%, 0.30%, dan -0.20%, berkuat kuasa 10 September 2014. Selain itu, ECB juga telah mengumumkan langkah tambahan untuk terus melonggarkan dasar kewangan di kawasan euro. Langkah ini termasuk menjalankan beberapa siri operasi pembiayaan semula jangka panjang yang disasarkan, bermula September 2014 yang bertujuan meningkatkan pinjaman di kawasan euro serta pembelian sekuriti bersandarkan aset dan bon dijamin, mulai Oktober 2014. Pada 2014, pertumbuhan di kawasan euro dijangka meningkat sederhana sebanyak 0.8% (2013: -0.4%) akibat daripada tekanan disinflasi yang berpanjangan; peningkatan pengangguran di sesetengah negara; ketegangan geopolitik antara Rusia dan Ukraine, diikuti dengan beberapa siri sekatan EU yang dikenakan ke atas Rusia; konflik di Timur Tengah; dan juga perkembangan perlahan di negara membangun berkembang pesat yang utama.

Pertumbuhan KDNK di **Jerman** meningkat 1.8% dalam tempoh enam bulan pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 0.1%), disokong oleh permintaan domestik yang lebih kukuh, dalam persekitaran

sektor luar yang lemah. Keadaan domestik yang bertambah baik telah menjana perbelanjaan isi rumah, pelaburan dan perbelanjaan kerajaan. Penggunaan isi rumah meningkat 1% (Januari – Jun 2013: 0.5%) dan pelaburan meningkat dengan ketara sebanyak 5% (Januari – Jun 2013: -3.5%), terutamanya bagi jentera dan kelengkapan sebanyak 4.5% (Januari – Jun 2013: -5%). Keadaan cuaca yang baik telah merancakkan aktiviti pembinaan dengan pelaburan dalam pembinaan berkembang 6.7% (Januari – Jun 2013: -3.2%).

Dari segi penawaran, semua sektor mencatatkan pertumbuhan positif. Pertumbuhan sektor pembuatan amat menggalakkan pada kadar 2.5% (Januari – Jun 2013: -1.8%), dengan Indeks Pengurus Pembelian (PMI) meningkat kepada

JADUAL 2.2

Kadar Inflasi bagi Negara Terpilih 2013 – 2014

	Perubahan (%)	
	2013	2014 ¹
Dunia	3.3	3.7
Negara maju	1.4	1.6
Amerika Syarikat	1.5	2.0
Kawasan euro	0.8	1.0
Jepun	0.4	2.7
Negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun	5.9	5.5
China	2.6	2.3
Republik Korea	1.3	1.6
India	9.5	7.8
ASEAN		
Singapura	2.4	1.4
Thailand	2.2	2.1
Indonesia	6.4	6.0
Filipina	2.9	4.4
Viet Nam	6.6	5.2
Malaysia	2.1	3.4

¹ Anggaran.

Sumber: International Monetary Fund dan pihak berkuasa negara.

53.4 mata (Januari – Ogos 2013: 49.7 mata). Sektor pembinaan kembali pulih, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.5% (Januari – Jun 2013: -4.3%), berikutan musim sejuk sederhana yang memudahkan kerja-kerja pembinaan bawah tanah. Sektor perkhidmatan terus cergas, diterajui oleh prestasi yang lebih tinggi dalam subsektor perdagangan, pengangkutan, penginapan dan makanan, yang meningkat 2.1% (Januari – Jun 2013: -0.7%). Kadar inflasi jatuh kepada 0.9% (Januari – Ogos 2013: 1.7%), terutamanya disebabkan oleh harga tenaga yang lebih rendah. Sementara itu, pasaran buruh semakin kukuh dengan kadar pengangguran jatuh kepada 5.1% (Januari – Julai 2013: 5.4%), antara yang terendah di rantau ini, selepas Austria. Walau bagaimanapun, pertumbuhan yang lebih rendah di Perancis, rakan kongsi perdagangan utama; krisis Ukraine-Rusia, diikuti oleh pelaksanaan sekatan oleh EU terhadap Rusia; dan permintaan luaran yang lebih perlahan dijangka menjejaskan aktiviti ekonomi di Jerman. Pada 2014, pertumbuhan di Jerman dijangka meningkat sebanyak 1.4% (2013: 0.5%).

Di **Perancis**, KDNK kekal lemah pada 0.5% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 0.2%), sebahagian besarnya disebabkan oleh permintaan domestik yang lebih rendah, keadaan pasaran luaran yang tidak menentu dan tekanan disinflasi yang berpanjangan. Penggunaan isi rumah terus menguncup 0.2% (Januari – Jun 2013: -0.3%) berikutan kelemahan dalam pasaran buruh yang menyebabkan pengangguran berlarutan. Tambahan pula, peningkatan dalam cukai nilai ditambah pada suku pertama 2014 telah mengurangkan lagi perbelanjaan isi rumah.

Dari segi penawaran, pengeluaran pembuatan berkembang sederhana sebanyak 0.5% (Januari – Jun 2013: -2.3%), sebahagian besarnya disokong oleh peningkatan pengeluaran bagi peralatan pengangkutan yang berkembang 3.4% (Januari – Jun 2013: -3.3%). Aktiviti pembinaan juga kembali pulih, berkembang 1.4% (Januari – Jun 2013: -3.2%), sebahagian besarnya disebabkan oleh projek memanjangkan Paris Metro Line 14. Kadar inflasi jatuh kepada 0.7% (Januari – Ogos 2013: 1.1%) dan tekanan disinflasi tidak

menunjukkan sebarang tanda pemulihan. Kadar pengangguran kekal tinggi pada paras 10.2% (Januari – Julai 2013: 10.4%). Pertumbuhan ekonomi Perancis dijangka berkembang sedikit kepada 0.4% pada 2014 (2013: 0.3%).

UK mencatatkan pertumbuhan mantap sebanyak 3.1% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 1.3%), disokong oleh pengembangan menyeluruh di semua sektor. Permintaan domestik terus meningkat, disokong oleh pelaburan swasta dan penggunaan isi rumah yang lebih tinggi berikutan penawaran kredit dan keyakinan pengguna yang bertambah baik. Dari segi penawaran pula, sektor pembuatan mencatatkan perkembangan yang menggalakkan sebanyak 3.5% (Januari – Jun 2013: -0.8%), disumbang oleh peningkatan keyakinan pengeluar domestik. Sektor pembinaan pula meningkat 5.8% (Januari – Jun 2013: 1.8%), hasil daripada aktiviti pembinaan rumah yang cergas berikutan permintaan kukuh bagi perumahan, dirangsang oleh kadar dasar yang rendah. Sementara itu, sektor perkhidmatan mencatatkan prestasi memberangsangkan dengan pertumbuhan pada kadar 3.1% (Januari – Jun 2013: 1.9%) didorong oleh perkembangan kukuh subsektor pengedaran, hotel dan restoran (5%) serta perkhidmatan perniagaan dan kewangan (3.9%).

Kadar pengangguran berada pada paras lebih rendah iaitu 6.6% (Januari – Jun 2013: 7.8%), terutamanya disebabkan oleh peningkatan pekerjaan baharu di sektor swasta. Walau bagaimanapun, tekanan upah dan penambahan produktiviti kekal lemah. Inflasi juga berada pada paras yang lebih rendah iaitu 1.7% (Januari – Jun 2013: 2.7%) dan yang pertama kali sejak November 2009, lebih rendah daripada sasaran 2% yang ditetapkan oleh Bank of England (BOE). Keadaan ini sebahagiannya disebabkan oleh penurunan harga makanan dan tenaga serta peningkatan nilai mata wang pound sterling yang menyebabkan penurunan harga import. BOE telah mengekalkan kadar dasar pada 0.50% sejak 5 Mac 2009 untuk merangsang pertumbuhan ekonomi. BOE juga memutuskan untuk mengekalkan stok pembelian aset yang dibiayai melalui terbitan rizab pada GBP375 bilion untuk merangsang

permintaan domestik dan meningkatkan paras harga. Momentum pertumbuhan menyeluruh di UK dijangka berterusan, walaupun permintaan luar yang tidak menentu, terutamanya dari zon euro dan pasaran membangun yang berkembang pesat. Permintaan domestik dijangka lebih kukuh, disokong oleh peningkatan dalam pekerjaan, ketersediaan kredit dan keyakinan terhadap ekonomi, manakala sektor perkhidmatan dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Berikutan perkembangan tersebut, pertumbuhan ekonomi di UK dijangka meningkat 3.2% pada 2014 (2013: 1.7%).

Dalam tempoh separuh pertama 2014, KDNK **Jepun** berkembang 1.5% (Januari – Jun 2013: 0.6%), sebahagian besarnya didorong oleh eksport dan pelaburan swasta. Eksport meningkat ketara sebanyak 7.5% (Januari – Jun 2013: -1.8%) disebabkan oleh kemerosotan nilai yen dan peningkatan eksport ke EU, terutamanya bagi kenderaan bermotor serta barangan modal. Sementara itu, pelaburan swasta juga melonjak kepada 9.4% (Januari – Jun 2013: -4.9%), khususnya disebabkan oleh peningkatan dalam pengeluaran pada suku pertama, bagi memenuhi permintaan yang tinggi sebelum kenaikan cukai jualan kepada 8% pada April 2014. Sebaliknya, pertumbuhan penggunaan swasta menjadi perlahan kepada 0.5% (Januari – Jun 2013: 1.5%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan cukai jualan pada suku kedua.

Dari sudut penawaran, sektor pembuatan berkembang seperti ditunjukkan oleh pertumbuhan dalam pengeluaran perindustrian yang sebahagiannya merupakan tindak balas terhadap peningkatan permintaan awal sebelum kenaikan cukai. Pengeluaran mesin untuk perniagaan meningkat disokong oleh permintaan yang lebih tinggi daripada peniaga domestik dan pengeksport. Pengeluaran alat dan peranti elektronik juga berkembang berikutan permintaan yang tinggi untuk telefon pintar dan tablet. Pengembangan ini dicerminkan oleh PMI pembuatan, pada purata 52.7 mata (Januari – Jun 2013: 50.3 mata). Inflasi melonjak 2.7% (Januari – Ogos 2013: -0.1%) sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan cukai jualan pada April 2014. Keadaan

ini adalah selaras dengan usaha kerajaan bagi mengatasi deflasi. Pengangguran berkurang kepada 3.7% (Januari – Ogos 2013: 4.1%), berikutan pertambahan pekerjaan baharu. Bank of Japan mengekalkan kadar dasar di antara 0.00% dan 0.10% bagi mendorong pertumbuhan ekonomi serta meneruskan pelonggaran dasar monetari yang kuantitatif dan kualitatif. KDNK Jepun diunjur mencatat pertumbuhan sebanyak 0.9% (2013: 1.5%) pada 2014.

Ekonomi **China** berkembang 7.4% pada separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 7.6%) berikutan permintaan luar semakin baik, ditambah dengan langkah pembaharuan kerajaan untuk menstabilkan ekonomi. Eksport meningkat sedikit sebanyak 0.9% (Januari – Jun 2013: 10.3%) sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas pertumbuhan 2013 yang tinggi, manakala import berkembang dengan kadar yang lebih perlahan pada 1.5% (Januari – Jun 2013: 6.7%) disebabkan oleh kelemahan yuan. Penggunaan swasta kukuh dengan pendapatan per kapita isi rumah bandar dan luar bandar meningkat 9.6% dan 12% (Januari – Jun 2013: 9.1%; 11.9%), berikutan keadaan pasaran buruh yang lebih baik. Sementara itu, pelaburan aset tetap mencatat pertumbuhan 17.3% (Januari – Jun 2013: 20.1%). Pertumbuhan ini disokong oleh perkembangan pelaburan industri utama pada 24.1% (Januari – Jun 2013: 33.5%), terutamanya dalam sektor pertanian, berikutan pengurangan nisbah keperluan rizab bank luar bandar bagi menggalakkan pemberian pinjaman kepada syarikat kecil dan pertanian. Pelaburan dalam harta tanah menurun kepada 14.1% (Januari – Jun 2013: 20.3%) berikutan jualan dan pembinaan hartanah baharu yang menyusut.

Sektor pembuatan kekal stabil, seperti yang ditunjukkan oleh PMI pembuatan yang berada pada purata 50.5 mata (Januari – Jun 2013: 50.5 mata). Keadaan ini adalah kesan daripada permintaan luar semakin baik serta langkah sokongan untuk memudah cara aktiviti perdagangan dan ekonomi dalam negeri. Jualan runcit meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu 12.1% (Januari – Jun 2013: 12.7%), terutamanya disebabkan oleh jualan kenderaan bermotor yang lembap

berikutan pelaksanaan garis panduan baharu untuk mengurangkan perbelanjaan sektor awam ke atas kenderaan bermotor. Walau bagaimanapun, jualan atas talian mencatatkan pertumbuhan kukuh pada 48.3%, disebabkan kemajuan inovasi teknologi yang memainkan peranan dalam memacu pertumbuhan. Inflasi telah berkurang kepada 2.2% (Januari – Ogos 2013: 2.5%) disebabkan oleh kenaikan sederhana harga barang makanan, terutamanya bagi daging dan sayur-sayuran. Pengangguran di China kekal pada 4.1% (Januari – Jun 2013: 4.1%) hasil pelaksanaan skim kerajaan yang membantu graduan mendapatkan pekerjaan. People's Bank of China mengekalkan kadar dasar pada 6.00% sejak Julai 2012 untuk terus menyokong ekonomi. KDNK China dijangka berkembang 7.4% pada 2014 (2013: 7.7%).

Republik Korea (ROK) mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.8% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 2.4%), sebahagian besarnya disokong oleh peningkatan pesat pelaburan swasta dan prestasi sektor pembuatan dan perkhidmatan yang lebih baik. Tragedi feri pada April 2014 dan hutang isi rumah yang tinggi memberi impak ke atas penggunaan swasta, yang hanya meningkat sedikit kepada 2% (Januari – Jun 2013: 1.9%). Namun begitu, keyakinan pengguna bertambah baik seperti digambarkan oleh indeks sentimen pengguna, yang meningkat secara purata pada 107.5 mata (Januari – Jun 2013: 103.2 mata). Sementara itu, eksport menurun kepada 4.1% (Januari – Jun 2013: 5.8%) disebabkan oleh kenaikan nilai won, pemulihan yang tidak sekata di Eropah serta permintaan yang semakin lemah dari China. Pelaburan swasta melonjak kepada 7.6% (Januari – Jun 2013: -8.5%), terutamanya didorong oleh pelaburan yang lebih tinggi dalam subsektor kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan lain.

Dari sudut penawaran, sektor pembuatan mencatat pertumbuhan sebanyak 5.5% (Januari – Jun 2013: 2.3%) didokong oleh permintaan lebih tinggi terhadap kenderaan serta produk kimia dan paparan kristal cecair. Sektor perkhidmatan turut berkembang sebanyak 3.1% (Januari – Jun

2013: 2.5%) berikutan peningkatan dalam aktiviti kesihatan dan kerja sosial serta perniagaan. Kadar pengangguran menokok kepada 3.5% (Januari – Ogos 2013: 3.2%) berikutan pertambahan bilangan pencari pekerjaan dalam sektor pasaran buruh. Pertumbuhan inflasi kekal pada kadar 1.4% (Januari – Ogos 2013: 1.5%) terutamanya disebabkan kenaikan sederhana harga barangan pakaian dan utiliti. Kerajaan mengumumkan langkah rangsangan pada Julai 2014 untuk menyokong pasaran hartanah dan meningkatkan perbelanjaan awam. Rangsangan ini termasuk kenaikan perbelanjaan kerajaan yang melebihi USD11 bilion serta sejumlah USD25.4 bilion dalam bentuk pinjaman dan sokongan kewangan lain yang diperuntukkan kepada syarikat kecil dan sederhana. Peraturan gadai janji sedia ada yang mengehadkan jumlah pinjaman isi rumah telah dilonggarkan bagi merangsang pasaran harta tanah. Bank of Korea mengurangkan kadar dasar pada Ogos 2014 sebanyak 25 mata asas kepada 2.25%, iaitu kadar terendah sejak November 2010, dalam usaha untuk merangsang pasaran harta tanah dan mendorong perkembangan ekonomi. Secara keseluruhan, ekonomi ROK dijangka mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.6% pada 2014 (2013: 3%).

India mencatatkan pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 5.2% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 4.6%), sebahagian besarnya disebabkan oleh pertumbuhan yang menggalakkan dalam sektor tenaga dan pemulihan sektor pertanian. Sektor tenaga berkembang pesat 8.7% (Januari – Jun 2013: 2.4%) disebabkan oleh penjanaan elektrik yang meningkat bagi memenuhi permintaan yang tinggi, manakala sektor pertanian berkembang 5.1% (Januari – Jun 2013: 2.8%) disokong oleh pengeluaran ladang yang mantap berikutan musim penuaian yang baik. Penggunaan swasta berkembang 6.9% (Januari – Jun 2013: 5.4%) disebabkan oleh pembelian kenderaan bermotor yang lebih tinggi. Pembentukan modal tetap kasar meningkat 3.1% (Januari – Jun 2013: 0.3%) disebabkan oleh iklim pelaburan yang bertambah baik termasuk pelaksanaan projek terbengkalai, pelonggaran peraturan buruh dan penyegeraan kelulusan. Sektor pembuatan mengalami pertumbuhan

kecil sebanyak 1.1% (Januari – Jun 2013: 0.9%) disebabkan oleh pengeluaran tembaga dan produk tembaga, kabel, produk penambat getah dan vitamin yang meningkat. Sementara itu, aktiviti perlombongan kembali pulih dengan pertumbuhan pada 0.9% (Januari – Jun 2013: -4.4%), berikutan penarikan balik larangan perlombongan di Goa pada April 2014. Ekonomi India juga mendapat manfaat daripada pertumbuhan yang kukuh dalam sektor perkhidmatan terutamanya sub-sektor perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan, yang meningkat 11.4% (Januari - Jun 2013: 12.1%). Eksport meningkat 4.7% (Januari - Jun 2013: 2.2%) didorong oleh permintaan lebih tinggi untuk barangan kejuruteraan, pakaian siap dan produk petroleum, manakala import berkembang 9.4% (Januari - Jun 2013: 1.9%) disebabkan oleh import minyak yang lebih tinggi serta penarikan balik sekatan import ke atas emas.

Inflasi yang diukur oleh indeks harga borong, menunjukkan trend penurunan kepada 5.6% (Januari – Jun 2013: 5.8%) berikutan kejatuhan harga bawang dan sayur-sayuran serta peningkatan kos bahan api pada kadar yang perlahan. Reserve Bank of India telah meningkatkan kadar dasar *repo* utama sebanyak 25 mata asas kepada 8.00% pada Januari 2014 dan telah mengekalkan kadarnya untuk membendung inflasi. Dalam usaha meningkatkan lagi persekitaran pelaburan, kerajaan baharu telah mengumumkan had ekuiti yang lebih tinggi bagi FDI dalam sektor pertahanan dan insurans daripada 26% kepada 49% pada Julai 2014. Selain itu, pada Ogos 2014, Kerajaan India telah meliberalisasikan pemilikan pelaburan infrastruktur rel kepada 100% ekuiti asing serta menubuhkan lapan hab pembuatan elektronik dan tujuh kelompok pembuatan elektronik di seluruh negara. Susulan daripada kesemua langkah dasar tersebut, pertumbuhan ekonomi India dijangka lebih tinggi sebanyak 5.6% pada 2014 (2013: 5%).

Ekonomi **Australia** berkembang 3.3% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 2.6%) didorong oleh peningkatan dalam eksport bersih, penggunaan dan pelaburan swasta.

Eksport bersih meningkat terutamanya disokong oleh perkhidmatan berkaitan perjalanan dan pelancongan, manakala penggunaan meningkat disebabkan oleh perbelanjaan kerajaan dan isi rumah. Kenaikan dalam pelaburan swasta didorong oleh aktiviti pembinaan yang lebih tinggi dengan peningkatan kembali sebanyak 1% (Januari – Jun 2013: -0.4%). Kadar pengangguran meningkat kepada 6% (Januari – September 2013: 5.9%) akibat penurunan dalam sektor perlombongan yang turut menjejaskan pekerjaan dalam industri berkaitan seperti pembinaan dan perkhidmatan teknikal. Inflasi kekal dalam sasaran 3% (Januari – Jun 2013: 2.4%), didorong oleh kos yang lebih tinggi untuk penjagaan kesihatan, perumahan baharu dan perabot. Reserve Bank of Australia mengekalkan kadar dasar pada 2.50% sejak Oktober 2013 untuk menangani penurunan dalam sektor perlombongan. Pada 2014, KDNK Australia dijangka kekal stabil sebanyak 2.8% (2013: 2.3%), disokong oleh pertumbuhan industri pengangkutan, teknologi maklumat serta makanan dan minuman, manakala pertumbuhan sektor perlombongan kekal lemah disebabkan oleh penurunan eksport arang batu dan bijih besi ke China, rakan dagangan terbesar Australia.

Dalam tempoh separuh pertama 2014, ekonomi ASEAN mencatatkan pertumbuhan positif, disokong oleh permintaan domestik dan eksport yang kukuh terutamanya di Malaysia, Filipina, Indonesia, Viet Nam dan Singapura. KDNK **Indonesia** berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 5.2% (Januari – Jun 2013: 5.9%) iaitu paras terendah yang dicatatkan sejak separuh pertama 2011, berikutan kesan penguncupan eksport dan pengurangan penggunaan kerajaan. Eksport menguncup 0.7% (Januari – Jun 2013: 4.2%) disebabkan oleh penguatkuasaan larangan eksport terhadap mineral dan logam yang tidak diproses pada 12 Januari 2014. Penggunaan kerajaan meningkat dengan sederhana kepada 1.2% (Januari – Jun 2013: 1.4%), berikutan langkah kerajaan mengurangkan perbelanjaan awam. Dari sudut penawaran, pertumbuhan terutamanya didorong oleh industri pengangkutan dan komunikasi serta pembinaan yang berkembang pada kadar 9.9% (Januari – Jun 2013: 10.7%) dan 6.6% (Januari

– Jun 2013: 6.9%). Inflasi meningkat sedikit kepada 6.6% (Januari – Ogos 2013: 6.3%) terutamanya akibat kesan berlarutan kenaikan mendadak harga bahan api pada Jun 2013. Bank Indonesia mengekalkan kadar dasar pada 7.50% sejak November 2013 bagi mengekang impak inflasi akibat kenaikan harga bahan api dan menyokong nilai rupiah yang menyusut. Pertumbuhan keseluruhan bagi 2014 dijangka lebih perlahan pada 5.2% (2013: 5.8%).

KDNK **Filipina** meningkat dengan sederhana pada 6% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 7.8%) disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih perlahan di sektor perindustrian dan perkhidmatan. Pertumbuhan sektor perindustrian menurun kepada 6.6% (Januari – Jun 2013: 10.9%) disebabkan kemerosotan pertumbuhan dalam beberapa subsektor terutamanya pembinaan, utiliti dan pembuatan. Pertumbuhan sektor perkhidmatan adalah lebih perlahan iaitu 6.4% (Januari – Jun 2013: 7.2%) disumbang oleh perantaraan kewangan dan perkhidmatan kerajaan yang mencatat pertumbuhan sederhana. Sementara itu, pertumbuhan eksport melonjak dua angka kepada 11.8% (Januari – Jun 2013: -9.1%) berikutan pertambahan permintaan untuk produk mineral serta produk berasaskan pertanian dan perhutanan. Inflasi meningkat kepada 4.4% (Januari – Ogos 2013: 2.8%) terutamanya disebabkan oleh kesan berpanjangan Taufan Haiyan pada 2013, khususnya ke atas harga makanan, bahan api dan elektrik. Sehubungan dengan itu, Bangko Sentral ng Pilipinas telah meningkatkan kadar dasar sebanyak 25 mata asas kepada 3.75% pada Julai 2014 iaitu kenaikan pertama sejak Oktober 2012 dan seterusnya kepada 4.00% pada September 2014 bagi mengekang tekanan inflasi. Pertumbuhan keseluruhan bagi 2014 dijangka kekal kukuh pada 6.2% (2013: 7.2%).

Di **Thailand**, KDNK menguncup 0.1% (Januari – Jun 2013: 4.2%) disebabkan oleh pergolakan politik yang berlarutan dalam tempoh lima bulan pertama 2014, pertumbuhan eksport lebih perlahan dan kemerosotan berterusan bagi pengeluaran dan jualan kereta. Ketidaktentuan politik telah menyebabkan penguncupan sebanyak 1.4%

dan 8.1% (Januari – Jun 2013: 3.4%; 5.2%) dalam penggunaan swasta serta pelaburan. Eksport menyusut 0.6% (Januari – Jun 2013: 5.6%) disebabkan oleh pemulihan ekonomi global yang lebih perlahan dan penurunan harga eksport. Sementara itu, pengeluaran dan jualan kereta menguncup dengan ketara kepada 24.1% dan 44.4% dan telah menyumbang kepada kemerosotan dalam pengeluaran pembuatan dan penggunaan swasta. Industri pelancongan yang merupakan penyumbang utama kepada ekonomi, kekal lemah disebabkan bilangan ketibaan pelancong asing menguncup 10.1% (Januari – Jun 2013: 23.2%) akibat ketidakseimbangan terhadap isu sosiopolitik dan keselamatan. Inflasi berkurang kepada 2.2% (Januari – Ogos 2013: 2.5%) disebabkan pentadbiran kerajaan tentera baharu mengenakan kawalan harga ke atas beberapa kategori barangan isi rumah terutamanya diesel dan gas memasak. Pada Mac 2014, Bank of Thailand telah menurunkan kadar dasar daripada 2.25% kepada 2.00% iaitu paras terendah yang dicatatkan sejak Disember 2010 untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. KDNK Thailand dijangka berkembang dalam lingkungan 1.5% – 2% pada 2014 (2013: 2.9%) didorong terutamanya oleh jangkaan peningkatan dalam pengeluaran kilang, eksport, pelancongan dan pelaburan pada separuh kedua 2014.

Ekonomi **Singapura** berkembang 3.6% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 2.8%) terutamanya didorong oleh aktiviti pembuatan. Sektor pembuatan mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 5.7% (Januari – Jun 2013: -2.8%). Pertumbuhan ini disokong terutamanya oleh pemulihan pesat dalam kluster pembuatan bioperubatan serta pertumbuhan mantap kluster industri kimia dan pengangkutan kejuruteraan pada suku pertama. Sementara itu, sektor pembinaan berkembang dengan sederhana sebanyak 5.4% (Januari – Jun 2013: 5.8%) akibat kelembapan aktiviti pembinaan sektor swasta. Sektor perkhidmatan meningkat 3.3% (Januari – Jun 2013: 5%), sebahagian besarnya disumbang oleh subsektor kewangan dan insurans serta pengangkutan dan penstoran. Inflasi berkurang kepada 1.5% (Januari – Ogos 2013: 2.6%) disebabkan oleh kesan peningkatan

harga kereta dan kos perumahan yang perlahan. Pertumbuhan ekonomi dijangka berkembang 3% (2013: 3.9%) bagi tahun ini, didorong oleh persekitaran luar yang menggalakkan terutamanya keadaan ekonomi AS yang semakin kukuh.

Pada separuh pertama 2014, KDNK **Viet Nam** berkembang 5.2% (Januari – Jun 2013: 4.9%) sebahagian besarnya disumbang oleh sektor perkhidmatan dan juga sektor industri dan pembinaan yang mencatatkan pertumbuhan kukuh. Sektor perkhidmatan menyumbang 43.6% kepada KDNK, meningkat 6% (Januari – Jun 2013: 5.9%) sebahagian besarnya disumbang oleh pelancongan dan aktiviti perjalanan yang berkaitan. Tambahan pula, sektor industri dan pembinaan menyumbang 38.7% kepada KDNK, meningkat 5.3% (Januari – Jun 2013: 5.2%), sebahagian besarnya disebabkan oleh penjana dan pengagihan tenaga serta pembuatan. Sementara itu, eksport meningkat 14.9% (Januari – Jun 2013: 16.1%), disokong oleh kenaikan harga global bagi komoditi utama Viet Nam terutamanya lada dan gajus manakala import meningkat 11% (Januari – Jun 2013: 17.4%). Inflasi menunjukkan trend penurunan kepada 4.7% (Januari – Ogos 2013: 6.9%) walaupun terdapat kenaikan harga pakaian, kasut dan bahan makanan. State Bank of Vietnam telah menurunkan kadar dasar daripada 7.00% kepada 6.50% pada Mac 2014 untuk menggiatkan pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan keseluruhan bagi 2014 dijangka mencatatkan kenaikan sedikit iaitu 5.5% (2013: 5.4%).

Pada 2014, pertumbuhan **Kemboja** dijangka berkembang 7.2% (2013: 7%), sebahagian besarnya didorong oleh sektor pakaian dan pelancongan. Pertumbuhan turut disumbang oleh peningkatan dalam penggunaan swasta, aktiviti pembinaan, permintaan luar serta infrastruktur dan pelaburan perniagaan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa risiko seperti ketidakpastian politik, isu buruh dan permintaan yang semakin lemah dari China boleh memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Kemboja. **Lao PDR** dijangka mencatatkan pertumbuhan sederhana iaitu 7.5% (2013: 8.2%) didorong oleh usaha berterusan kerajaan dalam mengetatkan dasar fiskal dan monetari. Tambahan pula,

sektor perkhidmatan, pemprosesan makanan dan minuman dijangka berkembang didorong oleh permintaan domestik yang kukuh.

Myanmar dijangka mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 7.8% (2013: 7.5%) didorong oleh pelaburan yang semakin meningkat dan peningkatan keyakinan perniagaan. Pelonggaran sekatan ekonomi telah mempercepat pertumbuhan ekonomi negara khususnya melalui pelaburan dari China, ROK dan Thailand, terutamanya ke dalam industri tenaga, petroleum dan infrastruktur. Tambahan pula, penggunaan swasta yang dianggarkan 80% kepada KDNK dijangka kekal sebagai penyumbang utama pertumbuhan. Manakala, pertumbuhan ekonomi **Brunei** dijangka kembali pulih dan mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 5.4% (2013: -1.2%) disokong oleh pengembangan beransur dalam sektor bukan minyak dan gas serta pemulihan pengeluaran hidrokarbon. Sektor pembinaan infrastruktur juga dijangka menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan.

Rantau **Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA)** dianggarkan mencatat pertumbuhan KDNK lebih tinggi sebanyak 2.6% pada 2014 (2013: 2.3%) berikutan pengeluaran dan pengeksportan minyak serta peningkatan pelaburan infrastruktur awam dan perbelanjaan pengguna. Pertumbuhan di **negara pengeksport minyak** termasuk Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Iraq dan Qatar dijangka meningkat 2.6% (2013: 2.3%) disokong oleh pengeluaran minyak yang stabil dan aktiviti sektor bukan berasaskan minyak yang memberangsangkan. Pengembangan sektor pembinaan dan jualan runcit serta pengukuhan kredit sektor swasta akan memacu pertumbuhan di negara Gulf Cooperation Council (GCC), iaitu Bahrain, Kuwait, Qatar, Arab Saudi, Oman dan UAE, manakala kegiatan pembinaan semula pasca konflik dijangka menyokong ekonomi negara bukan ahli GCC.

Arab Saudi diunjur merekodkan pertumbuhan lebih tinggi sedikit pada 4.6% (2013: 4%), didorong oleh perkembangan sektor swasta dan peningkatan sederhana perbelanjaan kerajaan. Pengeluaran minyak dijangka kekal stabil pada

paras tahun 2013. Projek infrastruktur berskala besar dan perbelanjaan bagi perumahan akan terus menyokong pertumbuhan sektor bukan berasaskan minyak. Ekonomi UAE juga dijangka berkembang 4.3% (2013: 5.2%) disebabkan oleh peningkatan dalam segmen ekonomi bukan minyak, terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pembinaan. Perbelanjaan kerajaan, aktiviti sektor hartanah yang rancak ditambah dengan persiapan bagi penganjuran World Expo pada 2020 telah meningkatkan pelaburan secara ketara. Pertumbuhan di Iraq, dianggar menguncup 2.7% (2013: 4.2%) disebabkan oleh kesan daripada konflik di wilayah utara Iraq kepada aktiviti sektor bukan berasaskan minyak. Qatar dijangka mencatat pertumbuhan 6.1% (2013: 6.5%) sebahagiannya disebabkan oleh pelaburan sektor awam sebagai persediaan penganjuran Piala Dunia 2022. Pelbagai projek infrastruktur dan kemudahan awam seperti stadium dan jalan raya akan dibina bagi acara ini. Kadar inflasi di negara pengeluar minyak dianggar jatuh kepada 6.8% (2013: 9.5%) berikutan penurunan harga bahan makanan.

Sementara itu, **negara pengimport minyak** termasuk Mesir, Sudan dan Maghribi diunjur kekal mencatat pertumbuhan mendatar 2.6% (2013: 2.6%) disebabkan oleh ketidaktentuan akibat kebimbangan peralihan politik dan keselamatan. Isu struktural terus menghakis keyakinan pelabur dan menggugat aktiviti ekonomi negara ini. Mesir dijangka berkembang 2.2% (2013: 2.1%) berikutan ketidaktentuan politik dan isu keselamatan yang menjejaskan sektor pelancongan dan FDI. Mesir telah mengumumkan dua pakej rangsangan fiskal mencecah 3.4% daripada KDNK negara tersebut dibiayai melalui bantuan GCC bernilai USD17 bilion bagi memacu pertumbuhan. Sudan dianggar kekal mencatat pertumbuhan kekal 2.8% (2013: 2.8%) disebabkan oleh konsolidasi fiskal termasuk rasionalisasi subsidi. Ekonomi Maghribi dijangka sederhana pada 3.5% (2013: 4.4%) berikutan penuaian hasil tanaman yang merosot akibat kekurangan taburan hujan semasa musim pertanian. Negara pengimport minyak dijangka mencatat kadar inflasi lebih tinggi pada 8.5% (2013: 8.3%) disebabkan rasionalisasi subsidi bahan api dihentikan secara berperingkat. Walau

bagaimanapun, sebahagian daripada tekanan inflasi dijangka berkurangan berikutan kejatuhan harga komoditi global.

Pertumbuhan ekonomi di **Rusia** kekal stabil pada 0.9% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 0.9%) disebabkan oleh konflik berterusan dengan Ukraine serta sekatan ekonomi yang dikenakan oleh AS dan EU yang memberi kesan kepada aktiviti pelaburan dan perbelanjaan isi rumah. Tambahan pula, keyakinan rendah dan kesukaran mendapatkan pembiayaan jangka panjang serta kemerosotan dalam keuntungan telah menjejaskan pelaburan. Perbelanjaan isi rumah menurun dengan ketara berikutan kadar inflasi yang tinggi akibat penyusutan nilai mata wang ruble. Perniagaan runcit berkembang lebih perlahan pada kadar di antara 2% dan 3% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 3% – 4%). Inflasi kekal pada paras tinggi iaitu 7.1% (Januari – Ogos 2013: 7.1%) tetapi dijangka meningkat apabila kesan halangan pengimportan bahan makanan dari negara Barat mula dirasai. Sebagai sebahagian daripada langkah mengawal inflasi, mengekang aliran keluar modal dan melindungi penyusutan berterusan nilai mata wang ruble, Central Bank of the Russian Federation telah menetapkan dasar monetari. Kadar dasar telah dinaikkan sebanyak tiga kali dengan jumlah sebanyak 2.5 mata peratusan daripada 5.50% pada Mac kepada 8.00% pada Julai 2014. Berbanding dengan permintaan domestik yang lemah, eksport Rusia kembali pulih pada 1.3% (Januari – Jun 2013: -4.2%) disokong oleh peningkatan jumlah eksport komoditi gas dan pertanian. Pertumbuhan Rusia bagi 2014 diunjur berkembang pada kadar lebih perlahan iaitu 0.2% (2013: 1.3%).

KDNK **Brazil** menguncup 0.4% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 1.1%). Pergolakan industri pada Mei 2014 dan aktiviti yang lebih perlahan berikutan Piala Dunia 2014 telah menyebabkan kejatuhan mendadak dalam output pembuatan dan pembinaan. Kadar pengangguran menurun sedikit kepada 4.9% (Januari – Ogos 2013: 5.7%) disebabkan oleh lebih banyak warga Brazil menumpukan masa untuk latihan teknikal

sebagaimana yang digalakkan oleh kerajaan bagi meningkatkan kemahiran tenaga kerja. Kadar inflasi kekal tinggi pada 6.2% (Januari – Ogos 2013: 6.4%), melebihi sasaran yang ditetapkan oleh Banco Central Do Brasil (BCB) iaitu 4.5% disebabkan oleh kenaikan harga makanan dan minuman berikutan kemarau berpanjangan dan lonjakan permintaan semasa Piala Dunia 2014. BCB telah menaikkan kadar dasar sebanyak 25 mata asas kepada 11.00% pada April 2014 bagi membendung inflasi. Brazil dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 0.3% pada 2014 (2013: 2.5%) disebabkan oleh keadaan kewangan yang lebih ketat dan kelemahan ketara dalam keyakinan pengguna dan perniagaan.

Pertumbuhan ekonomi **Mexico** berkembang 0.7% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: -0.3%) disebabkan oleh eksport barangan pembuatan lebih tinggi dan pemulihan sektor perkhidmatan. Tambahan pula, perbelanjaan awam yang lebih tinggi bagi projek infrastruktur, pembaharuan telekomunikasi dan sektor tenaga serta peningkatan eksport ke AS turut membantu menjana pertumbuhan ekonomi. Kadar inflasi kekal tinggi pada 3.9% (Januari – Ogos 2013: 3.9%) disebabkan oleh kenaikan harga makanan, minuman, tembakau dan pengangkutan. Banco de Mexico telah menurunkan lagi kadar dasar daripada 3.50% kepada 3.00% pada Jun 2014 untuk mempergiat ekonomi. Kadar pengangguran kekal stabil kepada 5% (Januari – Ogos 2013: 5%) berikutan pemulihan yang semakin kukuh dengan pewujudan pekerjaan dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan pembinaan. Mexico dijangka mencatatkan pertumbuhan ekonomi lebih tinggi sebanyak 2.4% pada 2014 (2013: 1.1%).

Kerjasama Ekonomi Antarabangsa

Bertambah kukuh

Memandangkan ekonomi dunia semakin saling bergantung dan bersepadu, kerjasama dan penyelarasan dasar di peringkat serantau dan

antarabangsa adalah penting, terutamanya untuk menggalakkan kestabilan ekonomi global dan kemakmuran bersama. Institusi kewangan antarabangsa menyediakan satu forum yang penting bagi kerjasama pelbagai hala, di samping menyokong pertumbuhan dan pembangunan melalui pinjaman, khidmat nasihat dan inisiatif bina upaya bagi negara anggota. Di peringkat serantau, usaha terus dipupuk bagi mengukuhkan kerjasama dalam sektor kewangan ke arah mengoptimumkan pertumbuhan yang saling memperkukuh. Dalam hal ini, Malaysia telah mengambil bahagian secara aktif di forum sama ada di peringkat serantau mahupun antarabangsa, bagi mengukuhkan lagi kerjasama serta menuju ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju.

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menyediakan pelbagai bantuan dalam bentuk khidmat nasihat dasar, kemudahan pembiayaan dan sokongan teknikal bagi membantu negara anggota mengatasi masalah ekonomi, mengurangkan kadar kemiskinan dan menambah baik pengurusan ekonomi. Dalam usaha untuk menggalakkan kestabilan antarabangsa, IMF menjalankan pengawasan ekonomi dan kewangan di negara anggotanya melalui konsultasi bilateral. Di Malaysia, IMF terlibat secara aktif dalam konsultasi ini yang diadakan pada setiap tahun untuk menilai keadaan ekonomi semasa dan risiko yang mungkin menggugat kestabilan. Bagi meningkatkan keberkesanan rangka kerja pengawasan semasa, IMF sedang melaksanakan penambahbaikan berdasarkan *2014 Triennial Surveillance Review*.

IMF juga menyediakan bantuan teknikal dan latihan, terutamanya kepada negara berpendapatan rendah dan sederhana untuk pembangunan kapasiti yang dapat membantu menggalakkan kestabilan ekonomi dan pembangunan inklusif. Di Malaysia, IMF memberikan bantuan teknikal dan khidmat nasihat dasar dalam beberapa bidang. Antaranya, bantuan teknikal bagi: memperbaiki penyusunan dan pelaporan statistik kewangan kerajaan mengikut *Government Finance Statistics Manual 2001*, yang dijadualkan siap pada 2015;

INISIATIF PASARAN BON ASIA: JAMINAN KREDIT DAN KEMUDAHAN PELABURAN

Pengenalan

Pembangunan pasaran bon di rantau Asia menjadi semakin pesat selepas krisis kewangan 1997/98. Pasaran bon pada amnya dapat menjadi sumber tambahan untuk mendapatkan modal dan boleh mengurangkan risiko sistemik sektor perbankan seperti yang dialami semasa krisis. Pasaran bon yang aktif dapat memenuhi keperluan modal berjumlah besar secara terus antara pelabur dan peminjam dengan kadar faedah jangka panjang.

Selain membangunkan pasaran bon di negara masing-masing, terdapat juga usaha yang telah dilaksanakan secara bersama di peringkat serantau. Inisiatif Pasaran Bon Asia (ABMI) telah ditubuhkan pada 2003 dengan objektif utama untuk membangunkan pasaran bon yang mudah diakses dan berfungsi dengan baik bagi menyalurkan simpanan rizab rantau ASEAN+3 yang cukup besar secara berkesan kepada pelabur. Beberapa inisiatif telah diperkenalkan di bawah rangka kerja ABMI seperti *Asian Bonds Online*, *ASEAN+3 Bond Market Forum* dan *Credit Guarantee and Investment Facility* (CGIF).

Apakah CGIF?

CGIF ialah dana yang telah ditubuhkan pada November 2010 melalui sumbangan kewangan oleh kerajaan negara-negara ASEAN+3 dan Bank Pembangunan Asia (ADB). Objektif utama ialah untuk menyokong penerbitan bon korporat yang berlandaskan mata wang tempatan di rantau ini. Modal awal CGIF yang dibenarkan ialah USD700 juta dan dibahagikan kepada 7,000 syer dengan nilai nominal USD100,000 setiap satu. Semua syer tersebut telah dilanggan dan dibayar sepenuhnya sejak April 2012. Roadmap+ baharu yang dipersetujui pada Mei 2012 dan disokong oleh ADB telah memperkukuh lagi peranan CGIF. CGIF telah memulakan operasi pada 2013 dan kapasiti jaminannya dinaikkan kepada USD1.75 bilion.

JADUAL 1
Sumbangan Modal Awal

Sumbangan		
Penyumbang	USD juta	%
ASEAN	70	10.0
China	200	28.6
Jepun (JBIC)	200	28.6
Korea	100	14.3
ADB	130	18.6
Jumlah	700	100.0

Sumber: *Progress Report Task Force 1: Promoting Issuance of Local Currency Denominated Bonds*, 2014.

Operasi CGIF

Operasi CGIF terutamanya tertumpu kepada transaksi yang berimpak tinggi kepada pasaran bon yang berlandaskan mata wang tempatan. Sehubungan itu, fokus tertumpu kepada bidang seperti berikut:

- a) **Mempromosikan transaksi rentas sempadan** – memudah cara syarikat tempatan di rantau ASEAN+3 untuk menerbitkan bon dalam mata wang yang sama bagi mengembangkan operasi dalam rantau serta membantu menggerakkan aliran modal merentasi sempadan di kalangan rantau ASEAN yang semakin berintegrasi;
- b) **Menggalakkan penerbit bon yang baharu untuk mengakses pasaran bon tempatan** – menyokong syarikat yang tiada akses kepada pasaran bon untuk menerbitkan bon buat pertama kali;
- c) **Melanjutkan tempoh matang untuk mempromosikan pelaburan jangka panjang** – membolehkan syarikat melanjutkan tempoh matang tanpa perlu menaikkan kadar premium untuk menjadikan kos pembiayaan jangka panjang menjadi lebih menarik, setanding dengan pelaburan jangka panjang;
- d) **Meluaskan asas pelabur** – menggalakkan pelabur serantau yang mengalami kesukaran melabur di negara yang mempunyai penarafan kredit rendah untuk meneroka peluang pelaburan di pasaran bon mata wang tempatan di ASEAN dan mendalami ekonomi berkenaan; dan
- e) **Memperkenalkan instrumen bon baharu** – menggalakkan pengenalan instrumen, struktur dan penerbit bon baharu yang masih asing kepada pelabur bon tempatan.

Kemajuan dan Pencapaian

Sejak penubuhan, CGIF telah menerima pertanyaan daripada syarikat tempatan dari 11 buah negara dalam rantau ASEAN+3. CGIF telah mengeluarkan tiga jaminan, dengan beberapa transaksi katalitik lain sedang diusahakan dan dijangka dilancar dalam tempoh terdekat.

- a) **Noble Group Limited (Noble): Bon bernilai 2.85 bilion dalam mata wang Thai baht** – Jaminan CGIF yang pertama dikeluarkan pada 26 April 2013 yang membolehkan Noble untuk mengakses pasaran bon mata wang Baht dan pelabur Thai buat pertama kalinya. Usaha ini telah membolehkan Noble untuk mempelbagai lagi sumber pembiayaan selepas memasuki pasaran bon ringgit.
- b) **PT BCA Finance (BCAF): Bon bernilai 420 bilion dalam mata wang rupiah Indonesia** – Jaminan kedua CGIF ini diterbitkan pada 4 Disember 2013, bagi membolehkan BCAF mengakses pelabur institusi Jepun yang sebelum ini tidak dapat membeli bon dalam mata wang rupiah. Inisiatif ini telah membolehkan syarikat insuran Jepun membeli bon yang berlandaskan mata wang rupiah buat pertama kali. Usaha ini juga membolehkan BCAF untuk mengakses rizab simpanan serantau bertujuan memenuhi permintaan yang tinggi bagi pembiayaan kenderaan bermotor serta meningkatkan hak milik kenderaan di Indonesia. Kejayaan transaksi ini diikuti dengan jaminan bon kedua yang diberikan kepada syarikat insuran Jepun yang lain pada 18 Mac 2014.
- c) **Kolao Holdings (Kolao): Bon bernilai 60 juta dalam mata wang dolar Singapura** – Melalui jaminan CGIF, Kolao telah berjaya menerbitkan bon dengan penarafan 'AA' kepada pelabur Singapura pada 21 Ogos 2014. Kolao mengeluarkan dan menjual lori Daehan serta motosikal Kolao selain daripada mengedar kenderaan Hyundai dan Kia di Lao PDR. Ini menggambarkan peranan CGIF dalam menggerakkan aliran modal rentas rantau.

Penarafan

Penarafan kredit yang tinggi adalah penting bagi CGIF untuk mencerminkan kedudukan modal dan kredit yang kukuh. Agensi penarafan antarabangsa, *Standard and Poor's* telah memberi CGIF penarafan 'AA' bagi jangka panjang dan 'A-1+' bagi jangka pendek dalam penarafan skala global mata wang asing dengan tinjauan stabil, serta 'axAAA' pada skala penarafan ASEAN. Sementara itu, RAM iaitu sebuah agensi penarafan Malaysia telah memberi CGIF penarafan 'AAA' pada skala global, ASEAN dan kebangsaan. Malaysian Rating Corporation dan TRIS Rating daripada Thailand juga telah memberi penarafan 'AAA' kepada CGIF berdasarkan skala penarafan masing-masing.

Penglibatan Malaysia

Malaysia memberi komitmen sepenuhnya bagi memastikan kejayaan CGIF dengan sumbangan sebanyak USD12.6 juta kepada modal asal dan turut memainkan peranan yang aktif dalam semua inisiatif ABMI. Danajamin Nasional Berhad (Danajamin) yang ditubuhkan oleh Malaysia pada 2009 merupakan institusi jaminan kewangan serantau pertama yang meneraju konsep membangunkan pasaran bon melalui jaminan bon. Perjanjian Kerjasama Strategik dengan Danajamin telah membolehkan CGIF memanfaatkan daripada pengalaman Malaysia selain terdapat rakyat Malaysia menyertai Lembaga Pengarah sebagai penasihat dan pengurusan tertinggi; bagi mengulangi kejayaan penerbitan bon dalam mata wang Ringgit di pasaran bon yang kurang maju di ASEAN.

Kesimpulan

CGIF yang didorong oleh peningkatan peluang rentas sempadan dapat mencerminkan rantau yang lebih berintegrasi dengan pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN seterusnya menyumbang kepada asas pembangunan bagi aliran modal yang lebih pesat dalam kalangan negara ASEAN serta +3. CGIF sedang berusaha untuk membantu mengukuhkan pembangunan bon tempatan yang baharu bermula dan membangunkan pasaran bon yang baharu. Inisiatif CGIF bukan sahaja meningkatkan daya tahan rantau dalam menghadapi krisis malah membantu memperkukuh ekonomi serantau bagi merealisasikan potensi kolektif ASEAN.

strategi untuk pelaksanaan perakaunan akruan; pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan; dan pelbagai program bina upaya di Pejabat Dasar Fiskal Kementerian Kewangan pada 2014.

Selain itu, IMF berhasrat untuk menerbitkan sebuah buku mengenai Malaysia, bertajuk '*Malaysia: Achieving High-Income Status through Resilience and Inclusive Growth*,' menjelang 2015. Buku ini akan merekodkan pengalaman pembangunan Malaysia dan pencapaian pertumbuhan sejak kemerdekaan dan inisiatif transformasi yang berterusan ke arah mencapai ekonomi maju dan berpendapatan tinggi. Usaha ini merupakan penerbitan IMF yang pertama mengenai Malaysia, menggandingkan pengajaran daripada perjalanan Malaysia ke arah pencapaian ekonomi dan juga secara amnya dijadikan sumber rujukan untuk negara berpendapatan sederhana.

Kumpulan Bank Dunia (WBG) terus berusaha untuk membasmi kemiskinan global dan meningkatkan perkongsian kemakmuran dalam kalangan negara membangun. Walaupun dalam proses pelaksanaan perubahan organisasi, komitmen WBG bagi tahun kewangan 2014 meningkat ketara sebanyak 16% kepada USD61 bilion (FY2013: USD52.6 bilion). Dana ini disalurkan dalam bentuk pinjaman, geran, pelaburan ekuiti dan jaminan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi, mengurangkan kemiskinan dan membantu perusahaan swasta di negara membangun.

Malaysia telah lama menjalin hubungan yang baik dengan WBG sejak menyertai International Bank for Reconstruction and Development pada 1958. Hubungan ini telah berkembang dan matang serta menjurus ke arah perkongsian pengetahuan. Perkongsian ini bertumpu kepada sokongan terhadap wawasan negara untuk membawa Malaysia dalam kalangan ekonomi maju dan berpendapatan tinggi melalui pertumbuhan ekonomi yang menyeluruh dan mampan. Sejak 2009, dengan termeterainya perjanjian *Reimbursable Advisory Services*, kedua-dua pihak telah bekerjasama dalam pelbagai bidang perkongsian ilmu dan khidmat nasihat, termasuk pengurusan ekonomi, pembangunan modal insan

dan daya saing. Sejak 2009 sehingga Julai 2014, sejumlah 14 projek khidmat nasihat yang digunakan sebagai input dalam menggubal dasar negara telah disiapkan, manakala 10 projek lagi sedang dilaksanakan dalam pelbagai bidang seperti pengangkutan, sistem perlindungan sosial, perusahaan kecil dan sederhana serta percukaian.

Selain daripada menyediakan khidmat nasihat, WBG juga terlibat dalam penerbitan laporan *Malaysia Economic Monitor* (MEM) dua kali setahun. Laporan MEM ini menyediakan analisis ke atas cabaran dasar yang dihadapi oleh Malaysia serta meliputi perkembangan ekonomi terkini dan isu dengan tema khas bagi setiap laporan. Sehingga Jun 2014, 10 laporan telah diterbitkan dengan laporan terkini memberi tumpuan kepada peningkatan daya saing perdagangan. Siri laporan MEM adalah tunggak utama dalam kerjasama ini dan berfungsi sebagai platform untuk perbincangan awam, analisis, dan perkongsian pengetahuan mengenai cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam mencapai matlamat sebagai sebuah ekonomi berpendapatan tinggi.

Dalam usaha untuk membantu negara termiskin, Malaysia telah menjadi negara penderma International Development Association pada April 2014 dengan jumlah sumbangan sebanyak USD27 juta. Usaha ini adalah selaras dengan hasrat Malaysia untuk menggalakkan pertumbuhan global yang inklusif dan mampan serta mengukuhkan lagi komitmen negara sebagai ahli WBG.

Sebagai tambahan, Malaysia juga sedang giat berusaha untuk menubuhkan pejabat WBG di Kuala Lumpur. Pejabat ini akan memberi peluang kepada Malaysia untuk memanfaatkan pengetahuan dan kepakaran global WBG serta berkongsi dasar pembangunan dan pengalaman dengan negara membangun di rantau ini.

Bank Pembangunan Islam (IDB) telah ditubuhkan pada 1973 dengan objektif untuk membantu pembangunan sosioekonomi negara ahli. IDB bertanggungjawab menyediakan pinjaman dan geran berasaskan prinsip Syariah

bagi projek pembangunan serta menyediakan pelbagai khidmat nasihat dan bantuan teknikal kepada negara ahli dan komuniti Muslim di seluruh dunia.

Sempena ulangtahun ke-40 penubuhannya, IDB telah melaksanakan program penilaian serta kajian untuk strategi 10 tahun akan datang dengan mengambil kira pandangan pemegang berkepentingan dari seluruh dunia. Bagi pengumpulan dan sintesis idea serta cadangan, IDB telah mengadakan empat forum peringkat tertinggi serantau di Kuala Lumpur, Almaty, Dakar dan Jeddah. Forum pertama telah diadakan di Kuala Lumpur pada 16 – 17 Disember 2013 dan telah menarik peserta sektor awam, swasta serta masyarakat madani dari rantau ini. Antara perkara yang dibincangkan termasuk keperluan supaya IDB membentuk dan menambah baik program serta mekanisma kerjasama agar dapat memenuhi kehendak ahlinya. Cadangan lain ialah untuk IDB meningkatkan kapasiti bagi membangunkan sektor kewangan dan pelaburan Islam di negara ahli sejajar dengan pembangunan sektor berkenaan di seluruh dunia. Selain itu IDB juga disaran untuk menumpukan perhatian kepada isu alam sekitar memandangkan negara di rantau ini terdedah kepada perubahan iklim dan bencana alam.

Pada peringkat serantau, usaha sedang dipergiatkan untuk mengukuhkan integrasi sektor kewangan **ASEAN** bagi menyokong merealisasikan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) 2015. Menteri-Menteri Kewangan ASEAN meneruskan penglibatan dalam pelbagai aktiviti di bawah Pelan Hala Tuju bagi Penyepaduan Monetari dan Kewangan ASEAN (RIA-Fin). Pasukan Petugas bagi Pelan Tindakan Infrastruktur Pasaran Modal ASEAN (ACMI TF) telah ditubuhkan untuk mempertimbangkan kaedah bagi akses bersepadu, penjelasan, jagaan (*custody*) dan penyelesaian bagi menyokong Pautan Dagangan ASEAN (ASEAN *Trading Link*). Berkaitan liberalisasi sektor perkhidmatan kewangan, negara anggota sedang berusaha ke arah memuktamadkan rundingan Pakej Keenam Perjanjian Rangka Kerja Perkhidmatan ASEAN (AFAS).

Di bawah Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF), satu Memorandum Persefahaman untuk mewujudkan Rangka Kerja bagi penawaran rentas sempadan skim pelaburan kolektif (CIS) ASEAN telah ditandatangani pada Oktober 2013 oleh pihak berkuasa Malaysia, Singapura dan Thailand. Pelaksanaan rangka kerja ini akan menyediakan lebih banyak peluang perniagaan dalam sektor swasta dan menawarkan produk baharu untuk pelabur mempelbagaikan portfolio mereka. Rangka kerja ini merupakan satu lagi langkah ke arah mencapai AEC di bawah pelan pelaksanaan ACMF. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah dilantik untuk menguruskan ACMF pada September 2014.

Pada 20 Mei 2014, Seminar Pelaburan Menteri-Menteri Kewangan ASEAN (AFMIS) ke-10 telah diadakan di Manila, Filipina. Seminar ini menyediakan platform bagi pelabur untuk berinteraksi dengan Menteri-Menteri Kewangan ASEAN dalam mempromosikan ASEAN sebagai destinasi pelaburan yang menarik serta bertukar pandangan berkenaan impak isu ekonomi semasa ke atas pelaksanaan AEC 2015.

Myanmar dijadual menyertai Dana Infrastruktur ASEAN (AIF) pada 2014 sebagai ahli kesepuluh ASEAN. Penglibatan Myanmar ini akan menjadikan AIF sebagai satu usaha penuh ASEAN. Malaysia akan mengambil alih sebagai Pengerusi AIF daripada Indonesia pada 2015. Malaysia juga akan menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun yang sama.

Proses **ASEAN+3** telah mencapai kemajuan ketara dalam memupuk kerjasama kewangan dalam kalangan negara anggota pada 2014. Semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN+3 pada Mei 2014 di Astana, Kazakhstan, Menteri-Menteri dan Gabenor mengambil maklum kemajuan kerja dalam membangunkan set lengkap pertama bagi penunjuk matriks *Economic Review and Policy Dialogue* yang terdiri daripada pelbagai penunjuk ekonomi dan kewangan semua negara anggota ASEAN+3. Bagi memastikan keberkesanan *Chiang Mai Initiative Multilateralisation* (CMIM) dan meningkatkan kapasiti ASEAN+3 *Macroeconomic Research Office* (AMRO) sebagai unit pemantauan

PERKONGSIAN KOMPREHENSIF EKONOMI SERANTAU

Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP) adalah perjanjian perdagangan bebas (FTA) antara negara anggota ASEAN (AMS) dan enam rakan FTA (Australia, China, India, Jepun, Republik Korea dan New Zealand). Rundingan RCEP telah dilancarkan secara rasmi pada November 2012 semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-21 di Phnom Penh, Kemboja. Rundingan bagi perjanjian ini bertujuan untuk mencapai perjanjian perkongsian ekonomi yang moden, komprehensif, berkualiti tinggi dan memberi manfaat bersama. Perjanjian RCEP bertujuan untuk mewujudkan persekitaran perdagangan dan pelaburan terbuka di rantau ini, memudahkan pengembangan perdagangan dan pelaburan serantau dan mendorong pertumbuhan ekonomi serta menggalakkan pembangunan ekonomi yang seimbang. Memandangkan perbezaan tahap pembangunan negara anggota, perjanjian RCEP juga akan merangkumi terma yang sesuai termasuk peruntukan bagi layanan istimewa dan berbeza, dengan fleksibiliti tambahan bagi AMS yang kurang membangun.

Selain itu, RCEP akan mempergiat kerjasama ekonomi serta integrasi serantau yang meluas dan mendalam bersandarkan rantaian ekonomi ASEAN sedia ada. Perjanjian ini meliputi antara lain, perdagangan barangan, perdagangan perkhidmatan, pelaburan, kerjasama ekonomi dan teknikal, harta intelek, persaingan dan penyelesaian pertikaian. Sehingga Jun 2014, sebanyak lima pusingan rundingan RCEP telah diadakan. Rundingan RCEP dijangka muktamad pada akhir 2015.

ASEAN telah melaksanakan FTA dengan Australia, China, India, Jepun, Republik Korea dan New Zealand (dikenali sebagai ASEAN+1 FTA). RCEP akan menjalinkan hubungan yang lebih luas dan mendalam dengan penambahbaikan signifikan ke atas perjanjian ASEAN+1 FTA sedia ada. Pada masa yang sama, RCEP akan mengambil kira keadaan dan kepelbagaian negara anggota. RCEP akan merangkumi peruntukan bagi memudah cara perdagangan dan pelaburan, meningkatkan ketelusan serta meningkatkan penyertaan dalam rantaian bekalan serantau dan global. Pemeteraian perjanjian RCEP mengikut perancangan dapat meningkatkan integrasi Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dalam ekonomi global.

RCEP adalah penting kerana akan mewujudkan blok perdagangan terbesar di dunia dan mempunyai faedah ekonomi yang amat ketara bagi negara Asia dan dunia. RCEP merangkumi 49% daripada penduduk dunia, 30% daripada KDNK dunia dan 40% daripada perdagangan global. Pada 2013, jumlah aliran masuk FDI untuk 16 negara anggota adalah USD343 bilion, merupakan 24% daripada aliran FDI global. RCEP diwujudkan untuk mengukuhkan hubungan antara negara anggota serta mengurangkan tarif dan halangan bukan tarif secara progresif. Pengurangan ini akan memberi manfaat kepada syarikat berpangkalan di rantau ASEAN dengan halangan perdagangan yang semakin berkurangan dan rangkaian logistik yang bertambah baik. Integrasi ekonomi yang lebih luas membolehkan syarikat mencapai skala ekonomi yang lebih besar, mengakses rantaian bekalan global untuk bersaing di pasaran dunia dan meningkatkan produktiviti, mewujudkan peluang pekerjaan serta memacu pertumbuhan perdagangan antarabangsa.

Malaysia sebagai anggota perjanjian ASEAN+1 FTA telah pun melaksanakan pelbagai komitmen melalui liberalisasi tarif import, perkhidmatan dan pelaburan. Bagi sebuah negara perdagangan dengan pasaran domestik yang kecil, RCEP menawarkan peluang yang besar bagi syarikat Malaysia untuk meningkatkan eksport dan pelaburan di rantau ini.

ekonomi serantau yang bebas, Mesyuarat juga telah meluluskan garis panduan bagi meneruskan kerjasama dengan IMF. Menyedari kepentingan pertukaran pandangan dan maklumat mengenai perkembangan ekonomi makro serantau, Mesyuarat menggalakkan AMRO untuk mengukuhkan kerjasama dan mewujudkan perkongsian strategik dengan institusi kewangan antarabangsa yang lain. Selain itu, Mesyuarat juga mengumumkan peningkatan kapasiti jaminan *Credit Guarantee and Investment Facility* daripada USD700 juta kepada USD1.75 bilion.

Salah satu pencapaian yang memberangsangkan pada tahun ini adalah Perjanjian CMIM yang ditambah baik dan telah berkuat kuasa pada 17 Julai 2014. Antara penambahbaikan yang dibuat ke atas Perjanjian CMIM ialah menggandakan saiz rizab terkumpul daripada USD120 bilion kepada USD240 bilion dan pengenalan kepada kemudahan pencegahan krisis.

Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan **Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik** (APEC FMM) berfungsi sebagai platform bagi ekonomi APEC untuk bertukar pandangan dan berkongsi amalan terbaik dalam pengurusan ekonomi, kewangan dan keutamaan dasar di peringkat domestik dan serantau. China akan menjadi tuan rumah APEC FMM ke-21 yang dijadualkan berlangsung di Beijing pada Oktober 2014. Agenda utama APEC FMM ke-21 adalah untuk membincangkan prestasi dan prospek ekonomi serantau serta isu yang berkaitan dengan kerjasama dalam pelaburan dan pembiayaan infrastruktur, dasar fiskal bagi penstrukturan semula ekonomi dan meningkatkan perkhidmatan kewangan bagi ekonomi benar di peringkat serantau. Mesyuarat ini juga akan membincangkan beberapa cadangan dan inisiatif untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang kewangan seperti pembaharuan perbendaharaan dan belanjawan, langkah untuk mempercepatkan pembangunan infrastruktur di rantau Asia-Pasifik serta kemajuan inisiatif sedia ada yang berkaitan, antara lain, program pembangunan kewangan, rangkuman kewangan, pembangunan kapasiti serta perusahaan kecil dan sederhana.

Prospek 2015

Prospek bertambah baik

Perkembangan ekonomi global dijangka bertambah kukuh pada 2015 susulan kombinasi langkah dasar fiskal dan monetari yang berterusan yang dilaksanakan oleh ekonomi utama bagi menggalakkan pertumbuhan. KDNK negara maju dijangka berkembang 2.3% pada 2015 (2014: 1.8%) diterajui oleh AS dan UK, manakala ekonomi di kawasan euro dan Jepun diunjur bertambah baik. Pertumbuhan ekonomi AS dijangka kekal kukuh pada 2.2% (2014: 2.2%), disokong oleh pelaburan modal yang kukuh, terutamanya dalam sektor minyak dan gas serta prestasi lebih baik dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Kesemua sektor ini dijangka menjana lebih banyak peluang pekerjaan. Walaupun Fed dijangka menaikkan kadar dasar pada 2015, namun rejim kadar dasar yang masih rendah dan tahap hutang isi rumah yang lebih mampan akan terus menjadi pemangkin kepada pelaburan modal dan perbelanjaan pengguna. Kawasan euro diunjur berkembang 1.3% pada 2015 (2014: 0.8%) disokong oleh dasar fiskal dan monetari yang akomodatif serta pelarasan struktur ekonomi yang dijangka mendorong perbelanjaan modal dan merangsang penggunaan swasta.

Ekonomi membangun yang berkembang pesat dan negara membangun dijangka mencatat pertumbuhan 5% pada 2015 (2014: 4.5%) dengan negara membangun di Asia terus memacu pertumbuhan. KDNK China dijangka berkembang sederhana kepada 7.1% (2014: 7.4%) ke arah pertumbuhan yang lebih mampan. Ekonomi India dijangka meningkat 6.4% (2014: 5.6%) berikutan penambahbaikan sentimen perniagaan serta pelaksanaan langkah liberalisasi untuk menggalakkan pelaburan selepas pilihan raya pada Mei 2014. Ekonomi negara ASEAN juga dijangka terus meningkat didorong oleh permintaan domestik yang kukuh dan sektor luar yang bertambah baik berikutan perdagangan dunia diunjur meningkat.

Inflasi global dijangka kekal sederhana kerana jurang output yang besar di negara maju. Sementara itu, harga komoditi dijangka mencatat trend menurun. Harga minyak dijangka turun disebabkan oleh peningkatan pengeluaran gas syal di AS dan Kanada, manakala harga bagi mineral lain dan komoditi pertanian dijangka kekal stabil kerana bekalan yang mencukupi walaupun terdapat peningkatan permintaan yang berterusan. Inflasi di negara maju diunjur meningkat kepada 1.8% (2014: 1.6%), manakala di negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun, inflasi dijangka kekal pada 5.5% (2014: 5.5%).

Secara keseluruhannya, ekonomi global dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 3.9% pada 2015 (2014: 3.3%). Pengembangan lebih kukuh ini dijangka didorong oleh pertumbuhan perdagangan dunia sebanyak 5% (2014: 3.9%), dan peningkatan aliran pelaburan sebanyak 12.5% kepada USD1.8 trilion (2014: 10.3%; USD1.6 trilion). Walau bagaimanapun, terdapat risiko yang boleh menggugat unjuran pertumbuhan ekonomi global, termasuk pembaharuan struktur yang tidak mencukupi dan kegagalan untuk menguruskan tekanan disinflasi di kawasan euro, dasar fiskal dan monetari yang lebih ketat di AS dan Jepun serta pergolakan geopolitik di MENA dan Eropah Timur.

PEMBIAYAAN INFRASTRUKTUR

Pengenalan

Infrastruktur adalah asas kepada pembangunan sesebuah negara sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi dan penyumbang kepada kesejahteraan penduduk. Penyediaan kemudahan moden yang diiringi dengan program pembangunan yang seimbang dan ekonomi yang stabil menjadi prasyarat bagi pembangunan yang mampan dan inklusif.

Infrastruktur boleh menyumbang kepada pembangunan mampan antaranya melalui cara berikut¹:

- Meningkatkan dan memudahkan aliran perdagangan;
- Mengurangkan kos perniagaan;
- Mencipta peluang pekerjaan;
- Membangun dan menambah nilai modal insan melalui peningkatan akses kepada pendidikan dan latihan; dan
- Meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup penduduk melalui kemudahan kesihatan yang lebih baik.

Sumber pembiayaan infrastruktur yang tradisional adalah pengagihan bajet kerajaan dan instrumen hutang yang menggunakan dana awam bagi pembangunan infrastruktur. Kerajaan juga mempunyai pilihan untuk melantik syarikat milik kerajaan untuk membangunkan infrastruktur baru melalui pinjaman daripada institusi kewangan swasta atau pasaran modal. Selain itu, kerajaan juga boleh memperoleh pembiayaan daripada institusi luar seperti bank pembangunan pelbagai hala.

Keperluan bagi pembangunan infrastruktur semakin meningkat dengan setiap negara berusaha untuk menaik taraf dan membina sistem infrastruktur masing-masing. Kepesatan arus globalisasi telah menyebabkan pembangunan infrastruktur menjadi keutamaan di kebanyakan negara. Dilema yang dihadapi dalam pembiayaan infrastruktur ialah walaupun pembangunan infrastruktur menjana pertumbuhan ekonomi, pertumbuhan itu sendiri turut mendorong permintaan untuk pembangunan infrastruktur yang lebih tinggi.


Jurang pembiayaan

Terdapat keperluan pembangunan infrastruktur yang tinggi. Namun demikian, wujud jurang yang kritikal di antara permintaan dana dan pembiayaan sebenar sedia ada. Pada 2014, Bank Dunia menganggarkan keperluan pelaburan jangka panjang infrastruktur bagi negara membangun di antara USD1.2 trilion dan USD1.5 trilion setahun dengan pembiayaan sedia ada bernilai USD800 bilion. Institusi tersebut menjangkakan jumlah pelaburan infrastruktur yang diperlukan oleh negara membangun mencecah USD1.8 trilion – USD2.3 trilion setahun pada 2020. Asia Timur dan Pasifik sahaja dianggar memerlukan 35% – 50% daripada jumlah pelaburan berkenaan.

¹ Sumber: *Infrastructure for Economic Development and Poverty Reduction in Africa, United Nations Human Settlements Programme 2011.*

CARTA 1

**Keperluan Pelaburan Infrastruktur di Negara Membangun pada 2020
(USD1.8 trilion hingga USD2.3 trilion*)**



Nota: MENA = Middle East and North Africa; SSA = Sub-Saharan Africa; ECA = Eastern Europe and Central Asia;
LAC = Latin America and Caribbean; SA=South Asia; EAP = East Asia and Pacific.

*harga benar 2008

Sumber: Bank Dunia.

Penyediaan dana awam bagi pembiayaan projek infrastruktur di kebanyakan negara membangun amat terhad berikutan kekangan fiskal semasa dan persaingan keperluan dana. Negara membangun berusaha mendapatkan alternatif lain untuk membiayai program infrastruktur yang tidak memberi tekanan kepada bajet negara masing-masing. Di antara alternatif yang boleh diterokai ialah penglibatan sektor swasta melalui program kerjasama awam dan swasta serta projek berasaskan konsesi. Walau bagaimanapun, alternatif ini hanya tersedia untuk negara yang mempunyai sektor swasta yang maju. Manakala negara membangun yang kurang maju dan berhasrat membangunkan infrastruktur asas pula perlu mendapatkan pinjaman konsesi dari bank pembangunan pelbagai hala.

Peranan bank pembangunan pelbagai hala dalam pembiayaan infrastruktur

Bank pembangunan pelbagai hala telah menerajui pembiayaan infrastruktur sejak berdekad lalu kerana ini berkait rapat dengan objektif keseluruhan institusi berkenaan dalam membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup penduduk di negara ahli masing-masing. Pemerhatian terperinci terhadap aliran pengagihan pembiayaan institusi ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pembiayaan adalah tertumpu kepada pembangunan infrastruktur dalam pelbagai sektor. Bank pembangunan pelbagai hala pada lazimnya menawarkan pembiayaan infrastruktur dalam kaedah berikut:

- Pinjaman, geran dan jaminan;
- Pembiayaan tidak langsung melalui pelaburan dalam ekuiti swasta dan penglibatan melalui program kerjasama awam serta swasta; dan
- Bantuan teknikal.

Meskipun terdapat penekanan kepada pembiayaan infrastruktur oleh bank pembangunan pelbagai hala, perkembangan ekonomi pesat yang dialami oleh negara membangun (yang merangkumi majoriti ahli bank pembangunan pelbagai hala) telah menimbulkan senario di mana permintaan melebihi penawaran. Bank pembangunan pelbagai hala menangani situasi ini melalui penggabungan dana, menambah baik produk pembiayaan dan mendapatkan suntikan modal tambahan daripada pemegang saham masing-masing. Sebahagian daripada institusi ini telah memperkenalkan kaedah penyelesaian unik seperti *Global Investment Facility* (GIF) oleh Bank Dunia. GIF menyasarkan pengumpulan aset pembiayaan swasta seperti dana persaraan swasta, syarikat insurans dan dana kekayaan berdaulat bagi membiayai projek infrastruktur di negara membangun. GIF akan beroperasi sebagai sebuah dana amanah yang terdiri daripada penderma, institusi kewangan antarabangsa serta institusi kewangan awam dan swasta.

Bank Pembangunan Islam (IDB), sebuah bank pembangunan pelbagai hala yang beribu pejabat di Jeddah telah menerajui pembiayaan infrastruktur sejak 40 tahun lalu. Terdiri daripada 56 negara ahli, IDB telah memainkan peranan penting dalam pembangunan infrastruktur dalam kalangan negara ahlinya melalui operasi pembiayaan. Pada 2001, IDB telah melancarkan dana ekuiti swasta yang dikenali sebagai *IDB Infrastructure Fund* dengan modal berjumlah USD730 juta. Dana ini disokong oleh dana persaraan swasta dan dana kekayaan berdaulat dari negara ahli terpilih. Dana ini telah membuat pelaburan dalam projek infrastruktur di beberapa negara seperti Arab Saudi, Pakistan, Oman dan Jordan. Lanjutan daripada kejayaan dana berkenaan, IDB telah melancarkan dana infrastruktur kedua pada Julai 2014 dengan menyasarkan modal berjumlah USD2 bilion untuk dilaburkan dalam projek infrastruktur di seluruh dunia Islam.

Inisiatif Pembiayaan Serantau

Di peringkat rantau Asia, beberapa inisiatif telah diadakan untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan infrastruktur. Bank Pembangunan Asia (ADB) sebagai bank pembangunan pelbagai hala yang terulung di Asia aktif menyediakan pembiayaan untuk projek infrastruktur di rantau ini sejak penubuhannya pada 1966. ADB mempunyai 67 negara ahli yang kebanyakannya terdiri daripada negara membangun. Sehingga Mac 2014, ADB telah meluluskan jumlah pinjaman berjumlah USD156.8 bilion dan sebahagian besar daripada jumlah ini telah disalurkan kepada projek berasaskan infrastruktur. ADB sedang dalam proses mengubah operasinya untuk mempertingkatkan keupayaan pembiayaan melalui penggabungan operasi pembiayaan konsesi di bawah *Asian Development Fund (ADF)* dengan dana saham iaitu *Ordinary Capital Resources (OCR)*. Penggabungan ADF dan OCR akan meningkatkan ekuiti asas ADB secara signifikan dan seterusnya mengembangkan operasi pembiayaannya. Ekuiti asas ADB dijangka berkembang dari USD18.3 bilion kepada USD53 bilion selepas penggabungan. Selain itu, *ASEAN Infrastructure Fund* dan *Central Asia Regional Economic Cooperation* yang ditubuhkan bagi menggalakkan kerjasama serantau juga memberi tumpuan kepada pembiayaan infrastruktur sebagai peneraju utama operasi masing-masing. Kedua-dua institusi ini turut menyumbang kepada pembangunan infrastruktur di rantau ini.

Pada 2013, China telah mengumumkan penubuhan bank pembangunan pelbagai hala yang baharu iaitu Asian Infrastructure Investment Bank (AIIB). Institusi ini bertujuan untuk menyediakan pembiayaan projek infrastruktur di rantau Asia. AIIB berhasrat untuk menjadi pelengkap peranan bank pembangunan pelbagai hala sedia ada dalam pembiayaan infrastruktur dalam kalangan negara Asia. AIIB dijangka akan beroperasi pada 2015. Negara Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan juga telah bersepakat untuk menubuhkan sebuah bank pembangunan pelbagai hala yang dikenali sebagai New Development Bank untuk meningkatkan jalinan kerjasama ekonomi dan menawarkan pembiayaan projek infrastruktur. Ibu pejabat bank ini akan ditempatkan di Shanghai, China. Di rantau lain, bank pembangunan pelbagai hala seperti Inter-American Development Bank dan African Development Bank juga memainkan peranan penting dalam menyediakan pembiayaan pembangunan sejajar dengan mandat dan objektif masing-masing.

Kesimpulan

Infrastruktur memainkan peranan yang amat penting dalam menjamin pembangunan sesebuah negara serta kesejahteraan penduduknya. Seiring dengan perkembangan ekonomi yang pesat, keperluan bagi pembiayaan infrastruktur akan turut meningkat. Jurang di antara keperluan dan sumber yang ada bagi pembiayaan memerlukan penilaian teliti terhadap kaedah sedia ada dan amalan pembiayaan yang diguna pakai dalam pembiayaan infrastruktur. Negara dan bank pembangunan pelbagai hala perlu meneroka kaedah pembiayaan projek berasaskan infrastruktur dengan kerjasama entiti swasta bagi memastikan wujudnya aliran dana yang berterusan untuk memenuhi permintaan pembiayaan.